

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING
(BINTULU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 31.03.2015

Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) apakah rasional Bank Negara Malaysia masih mengekalkan rekod nama peminjam yang telah dimufliskan walaupun mereka telah melunaskan atau membayar balik hutang mereka; dan

(b) adakah Bank Negara Malaysia membuat kajian yang menyeluruh mengenai implikasi terhadap penghutang ini apabila mereka ini berhasrat untuk meneruskan perniagaan mereka tetapi menghadapi masalah untuk membuat pinjaman dengan firma kewangan memandangkan nama mereka pernah disenarai hitamkan.

JAWAPAN

Biro Kredit Bank Negara Malaysia (BNM) melalui sistem maklumat rujukan kredit pusat atau lebih dikenali sebagai CCRIS hanya melaporkan fakta maklumat kredit dan tidak pernah menyenarai hitam sesiapa kerana ia tidak memberi sebarang pandangan mengenai maklumat dalam laporan kredit tersebut.

2. Sekiranya peminjam telah menyelesaikan jumlah tunggakan, institusi kewangan berkenaan akan mengemas kini rekod kredit dan laporan kredit CCRIS akan menunjukkan status akaun yang telah kembali teratur. Individu dan syarikat boleh menyemak rekod kredit mereka di dalam CCRIS tanpa sebarang caj.

3. Rekod kredit seseorang peminjam adalah hanya salah satu daripada beberapa faktor yang diambil kira dalam keputusan institusi kewangan untuk memberikan pinjaman selain faktor-faktor lain seperti sumber dan kestabilan pendapatan dan jumlah pinjaman tertunggak yang boleh menunjukkan kemungkinan bahawa seseorang peminjam adalah

terlebih leveraj (over-leveraged).